

AQIDAH

AHLI SUNNAH WAL JAMAAH

oleh

Haji Said Haji Ibrahim

(Bekas Mufti Negeri Sabah)

Diterbitkan oleh

Darul Ma'rifah

Kuala Lumpur

1996

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

مقدمة

MUQADDIMAH

الحمد لله الذي خلق السموات والأرض. وجعل الطلقات والنور. خلق الإنسان من طين. ثم جعل نسله من سلالة من ماء مهين. شرف آدم أب البشر بخلق يديه، ونفخ فيه من روحه. وكرم ذريته فصورة في الأرحام في أحمل صورة وخلقهم في أحسن تقويم.

وزرقهم من الطيات، وفضلهم على كثير من المخلوقات، وزودهم بالعقل لغرفة وأمدهم بالتعم ليذكروا. ويشكروا.

والصلاة والسلام على محمد حبيب الله، وخاتم رسله وآتياه، صفوة الخلق وخيرتهم، وإمام الأئمة، وسيدهم. صاحب لواء الحمد، والمقام المحمود، والحوص الموزود، وسيد كل مولود، وعلى إخوانه الأئمة والمرسلين، وآل بيته الطيبين الطاهرين. وصحابة الترة الراشدين. ومن تبعهم بإحسان إلى يوم الدين.

Syukur alhamdulillah dengan taufiq dan hidayah Allah s.w.t. dan berkat kurnia serta limpah rahmat-Nya, saya dapat menyempurnakan menyusun kitab *Aqidah Ahli Sunnah Wal Jama'ah* ini untuk dibaca dan dipelajari oleh orang mu'min seluruhnya.

Kepentingan aqidah ke atas orang-orang mu'min sudah lama diketahui dan tidak pernah dipertikaikan, di mana aqidah bermatlamat untuk mengesakan Allah s.w.t. dan merupakan asas yang terpenting di dalam agama Islam.

Sebagai asas yang paling utama mendasari agama Islam, aqidah adalah memimpin dan memandu manusia di dalam pembinaan peribadi mu'min yang *kamil* - peribadi yang berperilaku secara wajar bagi menjadi seorang mu'min yang terbaik di tengah-tengah kemanusiaan yang beriman.

Justeru itu, roh aqidah perlu digebu-gebuskan di dalam kalbu para mu'min, agar pembentukan peribadi mu'min itu hidup subur dan istiqamah, dan sentiasa mengharap keredhaan Allah, keampunan-Nya dan rahmat-Nya.

Selaku seorang mu'min sepanjang masa kecenderungan mestilah untuk menunjang keimanan dengan mentauhidkan Allah. Akan tetapi sekadar percaya kewujudan Allah dan keesaan-Nya belum lagi mencukupi untuk menjadikan seseorang itu seorang mu'min yang *kamil*.

Ini adalah kerana kepercayaan kewujudan Allah dan keesaan-Nya sahaja tidak mencukupi peningkatan keimanan, kerana kepercayaan tersebut telah pun wujud tertanam di dalam sanubari setiap orang yang

beriman sejak lahir agama Islam lagi. Pada hakikatnya kepercayaan terhadap Allah s.w.t. adalah fitrah semulajadi manusia, kerana agama Islam itu sendiri adalah "agama fitrah".

Atas dasar peri pentingnya aqidah sebagai asas agama Islam, maka saya berusaha menyusun kitab ini dengan bersumberkan nas-nas al-Quran dan as-Sunnah, dan juga kitab-kitab yang mu'tabar untuk menangani fahaman aqidah yang bercanggah dengan "Aqidah Ahli Sunnah Wal Jama'ah".

Oleh itu tidak keterlaluan rasanya, jika saya katakan kitab ini adalah sangat sesuai dijadikan kitab bacaan bagi kelas-kelas pengajian ta'mir masjid dan surau, dan bermanfaat kepada para pembaca, pentelaah, pengkaji, perujuk dan juga kepada para pengajar dalam menyediakan pengajaran dan pembelajaran ilmu tauhid dan aqidah.

Ini adalah disebabkan isi kandungan kitab ini disusun berdasarkan kurikulum kelas pengajian ta'mir masjid dan surau. Dalam tajuk-tajuk penting yang berkaitan dengan aqidah, iaitu keistimewaan aqidah, kepentingan aqidah, aqidah yang sahih dan ciri-cirinya, aqidah yang batal dan ciri-cirinya, masalah-masalah yang berkaitan dengan *uluhiyah* (ketuhanan), masalah-masalah yang berkaitan dengan *rububiyah* (pentadbiran Allah terhadap makhluk-Nya), masalah-masalah yang berkaitan dengan keimanan, dan juga perkara-perkara yang merosakkan iman, dan yang menyebabkan kekufuran dan lain-lainnya yang berkaitan dengan aqidah.

Justeru itu adalah menjadi harapan dan doa saya agar para pembaca dan pengguna kitab ini dapat memanfaatkannya dengan sepenuhnya dan saya berdoa semoga Allah s.w.t. mengkabulkan harapan dan doa saya ini, dan semoga usaha saya menyusun kitab ini akan menjadi amal jariah yang tidak berkeputusan dan tidak menjadi sia-sia.

Dan adalah diharapkan, jika terdapat kelemahan-kelemahan dan kesilapan yang mungkin tidak disedari oleh penyusun dalam penyusunan kitab ini dengan tangan yang terbuka dan hati yang ikhlas, pihak penyusun sentiasa menerima segala teguran yang membina dari mana-mana pihak pun, mudah-mudahan segala daya usaha penyusun akan diterima oleh Allah s.w.t. sebagai satu kebaktian yang dilaksanakan untuk mencari keredhaan Allah Taala di dunia dan di akhirat.

اللَّهُمَّ اصْلِحْ لِي دِينِي الَّذِي هُوَ عِصْمَةُ أَمْرِي، وَاصْلِحْ لِي دُنْيَايَ الَّتِي فِيهَا مَعَايِشِي، وَاصْلِحْ لِي آخِرَتِي الَّتِي فِيهَا مَعَادِي، وَاجْعَلْ الْحَيَاةَ زِينَةً لِي فِي كُلِّ عَمَلٍ، وَاجْعَلْ الْمَوْتَ رَاحَةً لِي مِنْ كُلِّ شَرٍّ. وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِيِّ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.

Salam hormat daripada penyusun:

Haji Said Haji Ibrahim
(Bekas Mufti Negeri Sabah)

FASAL 1

ISLAM AGAMA FITRAH

PENGERTIAN FITRAH

Fitrah yang dimaksudkan dalam ilmu tauhid ialah "Agama Allah", iaitu agama yang Allah menciptakan manusia semulajadinya untuk menerimanya selaku agama yang betul - benar. Dan Allah memerintahkan Nabi Muhammad s.a.w. dan pengikut-pengikutnya menerima kebenaran agamanya (agama Islam) tanpa membuat sebarang perubahan dan pindaan. Firman Allah s.w.t.:

فَأَقِمْ وَجْهَكَ لِلدِّينِ حَنِيفًا فِطْرَةَ اللَّهِ الَّتِي فَطَرَ النَّاسَ عَلَيْهَا لَا تَبْدِيلَ لِخَلْقِ
اللَّهِ ذَلِكَ الدِّينُ الْقَيِّمُ وَلَكِنَّ أَكْثَرَ النَّاسِ لَا يَعْلَمُونَ.

سورة الروم: ٣٠

Maka hadapkanlah dirimu (wahai Muhammad dan pengikut-pengikutmu) ke arah agama yang jauh dari kesesatan, (turutlah terus) "agama Allah" iaitu agama yang Allah menciptakan manusia (dengan keadaan bersedia dari semulajadinya lagi) untuk menerimanya tidaklah patut ada sebarang perubahan (janganlah kamu mengubah agama Allah yang berdasarkan tauhid kepada sebarang perbuatan syirik), itulah agama yang betul lurus, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui.

[Ar-Ruum: 30]

FITRAH MANUSIA PERLU KEPADA AGAMA

Menurut fitrah manusia semulajadinya memerlukan kepada agama, iaitu agama Allah (agama Islam), kerana agama Islam adalah agama yang menyelamatkan manusia dari penyembahan berhala kepada penyembahan Tuhan yang Maha Esa yang berdasarkan tauhid.

Justeru itu Allah menggesa orang-orang yang beriman menjadikan agama Islam pegangan hidup mereka selaku agama Samawi yang direstui dan diredhai Allah. Firman Allah:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا ادْخُلُوا فِي السِّلَ كَاتِ

سورة البقرة: ٢٠٨

Wahai orang-orang yang beriman! Masuklah kamu ke dalam agama Islam (dengan mematuhi) segala hukum-hukumnya.

[Al-Baqarah:208]

Seseorang manusia yang menganut agama selain daripada agama Islam, tidak diterima dan tidak diperakui selaku orang yang hidup dalam agama. Firman Allah s.w.t.:

وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ مِنَ الْخَسِرِينَ .

سورة آل عمران: ٨٥

Dan sesiapa yang mencari agama selain agama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya dan ia pada hari akhirat kelak dari orang-orang yang rugi.

[Ali Imran : 85]

Kita selaku orang-orang-orang yang beriman dalam hidup dan kehidupan kita sehari-hari memerlukan kepada agama yang sebenar (agama Islam), kerana manusia yang hidup dalam agama Islam adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan untuk faedah umat manusia seluruhnya. Firman Allah s.w.t.:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ
الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ .

سورة آل عمران: ١١٠

Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, kerana kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik-baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman).

[Ali Imran : 110]

Firman Allah s.w.t. tersebut dengan jelas menyatakan, bahawa kemuliaan dan keistimewaan yang telah diberikan oleh Allah Taala kepada umat Nabi Muhammad s.a.w. (orang-orang Islam) ialah selagi mereka tetap setia menjalankan tiga dasar Islam yang utama itu, iaitu menyuruh berbuat kebaikan dan melarang daripada kejahatan, serta beriman kepada Allah Azza Wajalla.

ISLAM SESUAI DENGAN FITRAH MANUSIA

Islam adalah agama Samawi yang diturunkan Allah sesuai dengan fitrah manusia yang mengseimbangkan jasmani dan rohani dunia dan akhirat. Islam tidak hanya menyuruh umatnya beramal untuk akhirat semata-mata, dan berusaha untuk hidup di dunia sahaja, malah selaku umat Islam hendaklah mengseimbangkan tuntutan jasmani dan rohani dunia dan akhirat, iaitu selepas mengerjakan sembahyang hendaklah pula mencari kehidupan untuk hidup di dunia. Firman Allah:

فَإِذَا قُضِيَتِ الصَّلَاةُ فَانْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِن فَضْلِ اللَّهِ وَاذْكُرُوا
اللَّهَ كَبِيرًا لَّعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ .

سورة الجمعة: ١٠

Kemudian setelah selesai mengerjakan sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah apa yang kamu hajati dari pada limpah kurnia Allah, serta ingatlah akan Allah banyak-banyak (dalam semua keadaan) supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat).

[Surah Al-Jumu'ah : 10]

Islam mengandungi bermacam-macam peraturan yang ditujukan hanya kepada manusia sesuai dengan fitrah manusia yang hidup menempuh dua alam, iaitu alam dunia dan alam akhirat yang memerlukan perseimbangan hidup di dua alam itu. Firman Allah s.w.t.:

وَاتَّبِعْ فِيمَا أَنزَلْنَاكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ وَلَا تَنسَ نَصِيْبَكَ مِنَ الدُّنْيَا .

سورة القصص: ٧٧

Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan oleh Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat, dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia.

[Surah Al-Qasas : 77]

Islam selaku agama fitrah menggesa manusia berusaha mencari harta kekayaan yang telah dilimpahkan oleh Allah Taala, dan mengerjakan amal-amal kebajikan yang mendatangkan pahala dan membawa keselamatan dan kebahagiaan pada hari akhirat kelak, tetapi janganlah pula melupakan kebahagiaan di dalam dunia untuk merasai

kesenangan hidup secara halal sebelum menikmati kesenangan dan kebahagiaan yang kekal abadi di akhirat.

ISLAM MEMANDU MANUSIA DUNIA DAN AKHIRAT

Dalam ajaran Islam, beramal dan bekerja untuk hidup di dunia dan di akhirat adalah tuntutan Ilahi secara mutlak. Para nabi dan rasul, dan juga salaf al-salih dituntut oleh Allah Taala beramal untuk hidup di akhirat sebagai Darul Baqa' dan bekerja untuk hidup di dunia sebagai Darul Fana'.

Islam sebagai "Ad-Din" (agama) tidak menghalang manusia mencari kehidupan duniawi yang tidak bercanggah dengan ajaran Islam. Kita tidak boleh menafikan bahawa setiap orang yang beriman dalam hidup dan kehidupan mereka sehari-hari tidak hanya ingin memperolehi kebaikan dan kebahagiaan di akhirat sahaja, malah mereka ingin juga memperolehi kebaikan dan kebahagiaan hidup di dunia ini.

Ini terbukti dalam doa yang termaktub di dalam al-Quran yang dibaca oleh setiap orang Islam selepas mereka menunaikan fardu solat:

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ .

سورة البقرة: ٢٠١

Wahai Tuhan kami! Berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat dan peliharalah kami dari azab neraka.

[Surah al-Baqarah : 201]

Doa yang termaktub di dalam al-Quran ini jelas menunjukkan setiap orang yang beriman ingin memperolehi kebaikan hidup di dua negeri, iaitu di dunia dan di akhirat, di mana Islam memandu manusia untuk mendapat kebaikan hidup di dunia ini dengan berusaha dan bekerja. Dan untuk kebaikan hidup di akhirat ialah dengan beramal ibadat. Sabda Rasulullah s.a.w.:

إِغْمَلْ لِلدُّنْيَا كَمَا كَأَنَّكَ تَعِيشُ أَبَدًا، وَاعْمَلْ لِآخِرَتِكَ كَمَا كَأَنَّكَ تَمُوتُ غَدًا.
رواه ابن عساکر

Berusaha dan bekerjalah engkau untuk mencari kehidupan di dunia seolah-olahnya engkau akan hidup selama-lamanya di dunia ini. Dan beramal ibadat engkau untuk hidup di akhirat seolah-olah engkau mati besok hari.

[Riwayat Ibn A'sakir]

Oleh yang demikian Islam memandu manusia mencari rezeki yang halal untuk kebaikan mereka hidup didunia ialah berusaha dan berkerja secara halal pula. Sabda Rasulullah s.a.w. dalam hadithnya yang diriwayatkan daripada Abi Hurairah r.a.

لأن يأخذ أحدكم حبله فيختطب على ظهره خيتر من أن يأتي رجلاً
أعطاه الله من فضله فيسأله أعطاه أزمته.

متفق عليه

Sesungguhnya bahawa mengambil seseorang kamu akan tali (untuk mengikat kayu api), maka dipikulnya kayu api itu atas belakangnya adalah lebih baik daripada dia pergi meminta kepada seseorang yang telah dikurniakan Allah kelimpahannya, lalu dia meminta kepadanya, sama ada diberinya atau tidak diberinya.

[Muttafaq Alaih]

Sehubungan dengan ini, Rifaah bin Rafi' telah meriwayatkan bahawa Rasulullah s.a.w. pernah ditanya:

أَيُّ الْكَسْبِ أَطْيَبُ؟ قَالَ: عَمَلُ الرَّجُلِ بِيَدِهِ وَكُلُّ نَيْعٍ مَبْرُورٍ.
رواه البزار والحاكم وصححه

"Apakah usaha yang paling baik?" Rasulullah s.a.w. menjawab :Usaha seseorang yang lebih baik ialah usaha dengan tangannya dan tiap-tiap jual beli yang jujur.

[Riwayat, Al-Bazzar dan Al-Hakim]

Islam agama fitrah memandu manusia untuk mendapat rezeki dan kehidupan yang baik di dalam dunia, bukan hanya dengan berdoa sahaja, tetapi hendaklah berusaha dan bekerja mengikut kebolehan, kelayakan dan kepakaran masing-masing, di mana Khalifah Umar Ibn. Al-Khattab mengingatkan dan berkata:

لَا يَقْعُدُ أَحَدُكُمْ عَنْ طَلَبِ الرِّزْقِ يَقُولُ: اللَّهُمَّ ارْزُقْنِي، فَقَدْ عَلِمْتُمْ
أَنَّ السَّمَاءَ لَا تُمْطِرُ دَهَبًا وَلَا فِضَّةً.

Seseorang kamu tidak boleh mencari rezeki dengan duduk diam sahaja dengan hanya berdoa kepada Allah : Wahai Tuhanku! Berilah aku rezeki. Maka sesungguhnya kamu telah mengetahui, bahawa langit itu tidak menurunkan hujan emas, dan tidak juga menurunkan hujan perak.

Dan Ibn Mas'ud r.a. juga berkata:

إِلَى آخِرِهِ أَنْ أَرَى الرَّجُلَ فَارِعًا لَا فِي أَمْرِ دُنْيَا، وَلَا فِي أَمْرِ آخِرِيهِ.

Sesungguhnya aku merasa benci (tidak suka) melihat seseorang duduk berdiam diri (membuang masa) tanpa berusaha dalam urusan dunianya dan tidak beramal dalam urusan akhiratnya.

Dan Luqman Al-Hakim berkata kepada anaknya:

Wahai anakku! Kayakanlah dirimu dengan pencarian (rezeki) yang halal dari kepapaan, kerana tidaklah ada seseorang yang berhajat kepada orang lain, kecuali mereka yang ada padanya tiga perkara : pertama, nipis agamanya; kedua lemah akalunya, dan

ketiga, hilang maruahnya. Dan terlebih besar dari yang tiga perkara ini ialah ringan pandangan manusia terhadap dirinya (kurang kehormatannya).

Islam juga memandu manusia untuk mendapat kebaikan hidup di akhirat ialah dengan beramal ibadat yang berasaskan keimanan dan ilmu pengetahuan. Mereka yang hidup beriman dan berilmu pengetahuan akan diangkat Allah darjatnya di hari akhirat kelak. Firman Allah s.w.t. :

يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ.

سورة المجادلة: ١١

Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu, dan (Allah meninggikan) orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) beberapa darjat.

[Al-Mujadalah : 11]

Orang-orang yang beriman yang mengharap berjumpa dengan Tuhannya dan yang mendapat kebaikan hidup di akhirat ialah mereka yang beramal dengan amalan-amalan yang salih di dunia ini. Firman Allah s.w.t. :

فَمَن كَانَ يَرْجُوا لِقَاءَ رَبِّهِ فَلْيَعْمَلْ عَمَلًا صَالِحًا.

سورة الكهف: ١١٠

Sesiapa yang percaya dan berharap akan pertemuan dengan Tuhannya, hendaklah ia mengerjakan amal yang salih.

[Surah Al-Kahfi : 110]

Berdasarkan dalil-dalil tersebut bolehlah disimpulkan: Seseorang yang akan mendapat kebaikan hidup di dunia dan di akhirat ialah mereka yang berusaha dan bekerja untuk hidup di dunia, dan beriman, berilmu dan beramal, dengan amalan yang salih untuk hidup di akhirat, di mana mereka itu dijanjikan oleh Allah menjadi ahli syurga. Firman Allah s.w.t. :

إِنَّ اللَّهَ يَدْخِلُ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ جَنَّاتٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ .

سورة محمد: ١٢

Sesungguhnya Allah akan memasukkan orang-orang yang beriman serta mengerjakan amal-amal yang salih ke dalam syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai.

(Surah Muhammad : 12)